



PENDAKWA RAYA v MOHAMMAD NAZIM BIN NOORDIN DAN SATU LAGI DAN SATU LAGI KES

CaseAnalysis

| [2025] MLJU 3858

Pendakwa Raya Iwn Mohammad Nazim bin Noordin dan satu lagi dan satu lagi kes [2025] MLJU 3858

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA)

MOHD RADZI ABDUL HAMID H

PERBICARAAN JENAYAH NO KES MA-46A-1-05 TAHUN 2022 DAN MA-46A-2-05 TAHUN 2022

12 November 2025

Mohd Firdaus bin Saleh (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka) bagi pihak pendakwa.

Luqman bin Mazlan (Mohd Irzan Iswatt bin Mohd Noor bersamanya) (Ahmad Danial Iswatt & Luqman) dan (Andrew a/l Lourdusamy (Chua Yong Yi bersamanya) (Andrew & Assoc) bagi pihak tertuduh pertama dan kedua.

Mohd Radzi Abdul Hamid H:

ALASAN PENGHAKIMAN

LATAR BELAKANG

[1] Tertuduh Pertama dan Kedua telah dituduh dengan satu (1) pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama serta dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis seberat 1,003 gram. Pertuduhan dibaca bersama dengan Seksyen 34 Kanun Keseksaan mengenai niat bersama. Pertuduhan ini didaftarkan menerusi kes No. MA-46A-2-05/2022.

[2] Selain itu, Tertuduh Pertama juga dituduh dengan satu (1) pertuduhan berasingan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta yang sama bagi kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis Cannabis seberat 196 gram yang mana pertuduhan ini telah didaftarkan melalui kes No. MA-46A-1-05/2022.

[3] Pertuduhan terhadap kedua-dua Tertuduh di bawah Seksyen 39B (1) ADB adalah seperti berikut :-

"Bahawa kamu bersama-sama pada 6.01.2022 jam lebih kurang 7.15 petang di dalam kenderaan jenis Myvi nombor pendaftaran JKK 1863 yang berada di hadapan rumah beralamat DT 1262, Jalan Durian Tunggal, Kampung Padang Keladi, Hang Tuah Jaya, dalam daerah Alor Gajah, di dalam negeri Melaka, kamu didapati mengedar dadah berbahaya jenis cannabis berat bersih 1003 gram, yang disenaraikan di Bahagian III Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dan

Pendakwa Raya Iwn Mohammad Nazim bin Noordin dan satu lagi dan satu lagi kes [2025] MLJU 3858

dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan”,

[4] Manakala pertuduhan di bawah Seksyen 6 ADB yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) ADB terhadap Tertuduh Pertama adalah seperti berikut:-

“Bahawa kamu pada 6.01.2022 jam lebih kurang 7.15 petang di hadapan rumah beralamat DT1262, Jalan Durian Tunggal, Kampung Padang Keladi, Hang Tuah Jaya, dalam daerah Alor Gajah, di dalam negeri Melaka, kamu didapati memiliki dadah berbahaya jenis cannabis berat bersih 196 gram, yang disenaraikan di Bahagian III Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta yang sama”

KES PENDAKWAAN

[5] Fakta kes pendakwaan adalah diringkaskan seperti berikut:-

- (a) Seramai 7 orang saksi telah dipanggil oleh pihak Pendakwaan.
- (b) Pada 6.1.2022 jam lebih kurang 7.10 petang, SP3 bersama sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Alor Gajah, Melaka, semasa menjalankan tugas Ops Tapis di kawasan Durian Tunggal telah menahan sebuah motokar jenis Perodua Myvi warna putih no pendaftaran JKK 1863 (Eksibit P42) dalam keadaan mencurigakan di hadapan rumah beralamat DT 1262, Jalan Durian Tunggal, Kampung Padang Keladi, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka.
- (c) SP3 dan pasukan telah menghampiri motokar Myvi tersebut dan dapati terdapat (2) orang lelaki sedang duduk di dalam motokar tersebut iaitu OKT 1 duduk di tempat duduk penumpang hadapan sementara OKT 2 duduk di tempat duduk pemandu. SP3 telah memperkenalkan diri Pegawai Polis dengan menunjukkan Kad Kuasa Polis dan telah mengarahkan kedua-dua OKT untuk keluar dari motokar tersebut tetapi kedua-dua OKT enggan keluar. Pengadu seterusnya telah mengarahkan anggota serbuan untuk memecahkan cermin tingkap di bahagian pemandu motokar. Setelah cermin tingkap di bahagian pemandu motokar berjaya dipecahkan, SP3 telah menahan kedua-dua OKT. SP3 sekali lagi telah memperkenalkan diri pegawai polis dengan menunjukkan kad kuasa polis dan telah mengarahkan kedua-dua OKT untuk keluar dari motokar tersebut.
- (d) SP3 seterusnya telah menjalankan pemeriksaan tubuh badan terhadap OKT 1 dan telah menjumpai (1) beg berzip berwarna hitam bertulis 'The North Face' yang disilang di badan OKT. SP3 selanjutnya telah memeriksa beg berzip berwarna hitam tersebut dan SP3 menemui (2) ketulan mampat yang dibalut plastik berwarna hitam. SP3 telah membuka sedikit kedua-dua bungkusan tersebut dan menjumpai bahan disyaki dadah jenis ganja. SP3 turut menemui beberapa barang kes lain seperti (1) keping kad kuasa polis, (1) kad pengenalan atas nama Mohammad Nazim bin Noordin dan (1) pas keselamatan bertulis Nazim RF/196596. Pemeriksaan fizikal ke atas OKT 2 tidak menemui apa-apa barang salah.
- (e) Pemeriksaan selanjutnya dibuat di dalam motokar Myvi nombor pendaftaran JKK 1863 dan hasil pemeriksaan SP3 telah menemui (1) beg plastik berwarna hitam bertulis 'Owen Matin' di atas lantai pemijak kaki bahagian belakang tempat duduk penumpang hadapan. SP3 kemudiannya telah memeriksa isi kandungan beg plastik berwarna hitam tersebut dan mendapati terdapat (1) sampul plastik berwarna putih/oren bertulis Pos Laju di dalamnya terdapat (1) ketulan mampat yang dibalut bungkusan plastik lutsinar dan bungkusan kertas berwarna keemasan. SP3 telah membuka sedikit bungkusan tersebut dan di dalamnya mengandungi dadah ganja.
- (f) SP3 telah merampas kesemua barang kes dan menangkap kedua-dua OKT sebelum dibawa ke IPD Alor Gajah. SP3 kemudiannya telah membuat penandaan dan timbangan ke atas barang kes yang dirampas. Hasil timbangan mendapati anggaran berat kasar bagi (2) ketulan mampat yang dibalut plastik berwarna hitam di dalamnya berisi bahan disyaki dadah ganja adalah 209 gram dan (1) ketulan mampat yang dibalut bungkusan plastik lutsinar dan bungkusan kertas berwarna keemasan di dalamnya berisi bahan disyaki dadah ganja adalah 1,039 gram.
- (g) Rampasan dadah tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia yang mana hasil analisa mengesahkan barang kes merupakan dadah jenis 'Cannabis' seberat 196 gram dan 1,003 gram.
- (h) Pada 3.5.2024, SP5 telah mengambil alih siasatan kes ini daripada Inspektor Surendran iaitu pegawai penyiasat asal. telah yang meninggal dunia pada 4.2.2025 dan Salinan Sijil Kematian mendiang telah ditandakan sebagai P41.

TUGAS MAHKAMAH DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[6] Adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah di akhir kes pendakwaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) untuk menetapkan sama ada pihak Pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Tertuduh. Mengikut Seksyen 180(4) KTJ, satu kes *prima facie* terbukti apabila pihak Pendakwaan telah mengemukakan bukti yang kredibel bagi membuktikan intipati kesalahan yang mana jika tidak disangkal atau diperjelaskan akan membolehkan kesalahan disabitkan. Sepertimana yang telah ditetapkan oleh Mahkamah dalam kes *PP v Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393 ; [2006] 1 CLJ 457, Mahkamah harus menilai secara maksima kesemua keterangan yang dikemukakan semasa kes pendakwaan serta kredibiliti saksi Pendakwaan. Sekiranya terdapat lebih daripada satu inferens, maka inferens yang memihak kepada tertuduh harus diberikan untuk manfaat tertuduh.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[7] Setelah menilai semua keterangan kes Pendakwaan, saksi dan mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Mahkamah ini memutuskan seperti berikut:

Menaenai analisa yang dijalankan oleh Ahli Kimia (SP2):-

[8] Pihak Pembelaan Tertuduh Kedua telah membangkitkan dua (2) isu mengenai hasil analisa SP2 iaitu:-

- (a) mengenai kegagalan SP2 membuat analisa bagi menentukan sama ada dadah yang dirampas ialah Cannabis mengikut taksiran di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 atau dadah tersebut merupakan tumbuhan Cannabis yang dikategorikan sebagai 'Indian Hemp' yang tidak mengandungi bahan Tetrahydrocannabinol' (THC) yang tinggi dan dengan demikian, Tertuduh tidak boleh dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya; dan
- (b) sama ada sampel perwakilan mencukupi telah digunakan oleh SP2 dalam menjalankan analisa ke atas bahan disyaki dadah jenis Cannabis tersebut.

[9] Peguambela Tertuduh Kedua menghujahkan tentang isu tersebut dengan merujuk kepada keputusan di dalam kes *Muhamad Fadzli bin Ramli v PP* [2003] 4 MLJ 292 bahawa SP2 seharusnya telah membuat analisa bagi membezakan sama ada bahan daun yang dirampas adalah jenis Cannabis atau 'Indian Hemp'. Pihak pembelaan menghujahkan bahawa perbezaan ini adalah penting kerana 'Indian Hemp' tidak mempunyai kadar THC yang tinggi walaupun berasal daripada jenis tumbuhan Cannabis dan digunakan dalam industri perubatan. Kegagalan SP2 membuat dapatan mengenai perbezaan tersebut menimbulkan keraguan sama ada barang kes yang dirampas adalah dadah berbahaya jenis Cannabis.

[10] Dalam memutuskan tentang isu perbezaan tersebut, Mahkamah mendapati bahawa "Indian Hemp" yang dulunya disenaraikan di bawah Bahagian III, Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dimansuhkan melalui P.U.(A) 170/96 bertarikh 3 April 1996. Berikutan pemansuhan tersebut, definisi "Cannabis" di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak lagi membezakan sama ada daun disyaki dadah berbahaya adalah jenis Cannabis atau sebaliknya hanya 'Indian Hemp'. Mahkamah merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ghazalee Kassim v PP* [2008] 4 CLJ 431 yang telah diputuskan selepas kes Muhamad Fadzli [supra] di mana Mahkamah Rayuan telah membincangkan tentang kesan pemansuhan rujukan kepada 'Indian Hemp' dan bahawa takrif 'Cannabis' di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak lagi membezakan tumbuhan Cannabis atau 'Indian Hemp'.

[11] Di dalam kes semasa, SP2 mengakui bahawa beliau tidak menjalankan ujian kuantitatif bagi menentukan peratusan THC dan mengenalpasti barang kes yang dianalisis sebagai Cannabis atau 'Indian Hemp'. Semasa diperiksa semula oleh pihak Pendakwaan, SP2 menyatakan takrif semasa 'Cannabis' di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai kepada semua jenis tumbuhan Cannabis tanpa mengambil kira jumlah resin dan klasifikasi tumbuhan Cannabis tersebut.

[12] Setelah meneliti keterangan SP2 dan juga berpandukan takrif semasa 'Cannabis' di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, Mahkamah berpuas hati bahawa dadah berbahaya yang dirampas dalam kes ini adalah jenis Cannabis. Oleh itu, Mahkamah mendapati tiada merit dalam isu ini.

[13] Mengenai isu kedua, peguambela Tertuduh Kedua telah merujuk kepada keputusan di dalam kes *PP v Mohammad Ambunani* [1994] 4 CLJ 871 dan *Leong Bon Huat v PP* [1993] 3 MLJ 11 dan berhujah bahawa terdapat keraguan sama ada SP2 telah menjalankan ujian ke atas keseluruhan sampel dadah yang dirampas. Hal ini demikian kerana SP2 gagal mengemukakan kertas kerja bagi menyokong keterangan lisannya bahawa SP2

telah menganalisa kesemua barang kes yang disyaki Cannabis. Dalam hujahan peguambela Tertuduh Kedua, beliau menyatakan terdapat keraguan sama ada sampel perwakilan yang digunakan untuk tujuan analisa adalah mencukupi bagi mencapai dapatan sepertimana di dalam Laporan Kimia iaitu Eksibit P12.

[14] Dalam memutuskan isu ini, Mahkamah merujuk kepada *Chu Tak Fai v. PP* [2007] 1 MLJ 201 ; [2006] 4 CLJ 931 yang mana Mahkamah Persekutuan telah menolak pendekatan yang diambil oleh Mahkamah di dalam kes **Leong Bon Huat** Di dalam kes **Chu Tak Fai** [supra], Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa dalam keadaan di mana tidak ada keterangan yang menunjukkan analisis dan dapatan Ahli Kimia tidak boleh dipercayai, maka Mahkamah harus menerima keterangan tersebut sebagai benar. Mahkamah juga telah merujuk kepada keputusan di dalam *Tarmizi bin Yaacob dan Satu Lagi v. PP* [2006] 4 CLJ 472 ; [2006] 6 MLJ 197 dan *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 MLJ 489 ; [2004] 4 CLJ 551 ; [2004] 1 LNS 318.

[15] Setelah meneliti keterangan SP2, kenyataan bertulis WSP2 dan Laporan Kimia (Eksibit P12), Mahkamah ini mendapati SP2 telah memberikan keterangan yang jelas bahawa hasil analisa ke atas barang kes yang disyaki dadah mengesahkan bahawa barang kes tersebut ialah dadah berbahaya jenis Cannabis yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dan mempunyai berat bersih sepertimana yang dinyatakan dalam kedua-dua Pertuduhan.

[16] Oleh yang demikian, jenis dan berat dadah yang menjadi asas kedua-dua pertuduhan telah dibuktikan oleh pihak Pendakwaan.

Mengenai milikan barang kes dadah

Hujahan pihak-pihak di akhir kes pendakwaan

[17] Pihak Pendakwaan menghujahkan bahawa milikan dadah di bawah kedua-dua Pertuduhan adalah terbukti berdasarkan pertimbangan keterangan seperti berikut:-

- (a) Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B ADB terhadap Tertuduh-Tertuduh
 - (i) semasa kereta Perodua Myvi JKK 1863 (eksibit P42) diserbu, hanya terdapat kedua-dua Tertuduh didalam kereta tersebut;
 - (ii) beg plastik hitam bertulis 'Owen Matin' mengandungi dadah (eksibit P29) dijumpai di atas lantai pemijak kaki bahagian penumpang belakang;
 - (iii) Tertuduh Pertama berada di bahagian penumpang hadapan sementara Tertuduh Kedua adalah pemandu kereta itu;
 - (iv) SP1 iaitu pemilik berdaftar kereta tersebut
 - (v) mengesahkan bahawa beliau telah membenarkan Tertuduh Kedua yang merupakan adik SP1 untuk menggunakan kereta semenjak tahun 2021;
 - (vi) kedudukan beg plastik yang tidak tersembunyi dan kedua-dua Tertuduh yang berada di dalam kereta menunjukkan terdapat hubungan atau kedekatan (*close proximity*) kedua-dua Tertuduh dengan beg plastik yang mengandungi dadah tersebut;
 - (vii) fakta kedekatan ini menimbulkan inferens bahawa kedua-dua Tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai beg plastik yang berisi dadah tersebut; dan
 - (viii) tindakan kedua-dua Tertuduh yang enggan keluar dari kereta semasa serbuan sehingga menyebabkan salah seorang anggota serbuan memecahkan tingkap kereta menunjukkan kedua-dua Tertuduh mempunyai pengetahuan tentang dadah berkenaan.
- (b) Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 6 ADB yang dihukum di bawah Seksyen 39A(2) ADB terhadap Tertuduh Pertama
 - (i) Beg berzip berwarna hitam bertulisan "The North Face" yang mengandungi dadah dijumpai dalam keadaan bersilang pada badan Tertuduh Pertama;
 - (ii) penemuan barang peribadi Tertuduh Pertama termasuk kad pengenalan dan kad kuasa polis atas nama Tertuduh Pertama menunjukkan beg tersebut adalah milik Tertuduh; dan
 - (iii) tindakan Tertuduh Pertama yang enggan keluar dari kereta menunjukkan pengetahuan terhadap dadah.

[18] Berdasarkan berat bersih dadah berbahaya jenis Cannabis sebanyak 1,003 gram, pihak Pendakwaan menggunakan anggapan perbuatan mengedar di bawah Seksyen 37(da) ADB 1952.

[19] Antara kes yang dirujuk adalah *Gunalan Ramachandran & Ors v. PP* [2004] 4 CLJ 551; *Tarmizi Yaacob & Satu lagi Iwn PP* [2006] 4 CLJ 472; *PP v. Govindan Kurup & 2 Ors* [1947] CLJU 77 ; 1 MLJ 150; *Chong Joon Hong v. PP* [2018] 1 LNS 144; *Wong Nam Loi v. PP* [1997] 3 MLJ 795; *Pendakwa Raya Iwn Abd Wahab bin Said dan Satu lagi* [2020] MLJU 2153; *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337; *Ong Ah Chuan v. PP* [1981] 1 MLJ 64; dan *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814.

[20] Pihak Pembelaan untuk Tertuduh Pertama menghujahkan bahawa milikan dadah oleh Tertuduh Pertama dalam pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB tidak dibuktikan berdasarkan pertimbangan fakta-fakta seperti berikut:

- (a) kereta Myvi bukan milik Tertuduh Pertama tetapi adalah milik SP1 dan digunakan oleh Tertuduh Kedua;
- (b) Tertuduh Pertama hanya merupakan seorang penumpang kereta Myvi tersebut;
- (c) maklumat “Ops Tapis” yang diterima pegawai serbuan (SP3) adalah berdasarkan maklumat “tip-off” dan merupakan satu keterangan “hearsay” yang harus ditolak oleh Mahkamah;
- (d) keterangan maklumat yang diterima tersebut menunjukkan kemungkinan Tertuduh Pertama telah dianiaya dan dadah yang ditemui adalah barang yang telah diletakkan oleh pihak Polis;
- (e) tiada keterangan forensik seperti DNA atau cap jari yang dapat mengaitkan Tertuduh Pertama dengan dadah yang dijumpai dalam kereta tersebut;
- (f) kelakuan Tertuduh Pertama yang berdiam diri semasa serbuan adalah munasabah dalam keadaan diserbu pasukan yang berpakaian preman dan tidak dikenali;
- (g) Tindakan Tertuduh Pertama yang memberikan kerjasama kepada pasukan serbuan selepas keluar dari kereta tidak menunjukkan Tertuduh Pertama mempunyai pengetahuan mengenai dadah di dalam kereta;
- (h) keterangan versi pihak Pendakwaan bahawa terdapat beg silang pada badan Tertuduh Pertama adalah tidak munasabah kerana sekiranya beg tersebut disilangkan pada badan Tertuduh Pertama, Tertuduh Pertama sudah tentu akan berusaha untuk melepaskan beg tersebut daripada badannya semasa serbuan berlaku dan pihak Polis berusaha memecahkan cermin kereta;
- (i) tindakan kedua-dua Tertuduh menafikan pengetahuan mengenai dadah dan memberikan kerjasama penuh kepada pihak Polis menunjukkan mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah berkenaan;
- (j) kedudukan beg plastik bertulisan ‘Owen Matin’ yang berwarna gelap, bertutup rapat dan tersorok di atas lantai pemijak pada bahagian tempat duduk penumpang belakang tidak memungkinkan Tertuduh Pertama mempunyai pengetahuan tentang beg dan dadah tersebut;
- (k) terdapat percanggahan antara keterangan SP3 dan SP4 yang merupakan anggota serbuan mengenai alat digunakan untuk memecahkan cermin kereta, fakta bahawa Tertuduh Pertama dibenarkan untuk menyaksikan pemeriksaan kereta dilakukan oleh pihak polis dan berkenaan isu sama ada kad akses rumah Tertuduh Pertama dijumpai dalam dompet;
- (l) isu mengenai penyembunyian fakta tentang serbuan susulan yang dilakukan di rumah Tertuduh Pertama; dan
- (m) kegagalan Pegawai Penyiasat menyiasat pembelaan Tertuduh Pertama bahawa beliau telah meninggalkan keretanya di Tesco Cheng yang mana siasatan CCTV di sekitar Tesco akan menunjukkan beliau tidak membawa beg silang dan beg plastik berwarna hitam.

[21] Pihak Pembelaan bagi Tertuduh Pertama telah merujuk kepada beberapa kes termasuklah: *Alcontara a/ Ambross* [1996] 1 MLJ 209; *Chan Kin Yu v. PP* [2009] 1 MLJ 457; *Pendakwa Raya Iwn Cheah Leong Aik* [2017] MLJU 1519; *PP v. Foong Sek Hong* [1989] 2 CLJ (rep) 314; *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561; *See Kek Chuan v. PP* [2013] 6 MLJ 885; *Lee Wan Woh v. PP* [2009] 5 MLJ 301; *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 MLJ 137; *Magendran a/ Mohan v. PP* [2011] 6 MLJ 1; dan *Ibrahim Mohamad v. PP* [2011] 4 CLJ 113.

[22] Peguambela bagi Tertuduh Kedua pula menghujahkan bahawa pihak Pendakwaan gagal membuktikan milikan berdasarkan pertimbangan fakta-fakta seperti berikut:-

Pendakwa Raya Iwn Mohammad Nazim bin Noordin dan satu lagi dan satu lagi kes [2025] MLJU 3858

- (a) tiada keterangan forensik seperti cap jari Tertuduh Kedua pada mana-mana bungkusuan mengandungi dadah;
- (b) Tertuduh Kedua hanya merupakan pemandu kereta dan tidak pernah mempunyai kawalan ke atas barang-barang di dalam kereta tersebut;
- (c) reaksi Tertuduh Kedua yang berdiam diri di dalam kereta semasa serbuan adalah suatu reaksi yang munasabah apabila diserbu oleh sepasukan orang yang tidak dikenali;
- (d) kegagalan pihak Pendakwaan mengambil langkah awal untuk memanggil pegawai penyiasat asal iaitu mendiang Inspektor Surendran A/L Chandran untuk memberi keterangan sedangkan pihak Pendakwaan telah lebih awal mengetahui mengenai tahap kesihatan beliau menyebabkan pihak Pembelaan tidak dapat memeriksa balas saksi tersebut tentang siasatan yang dibuat dan perkara ini telah memprejudiskan Tertuduh;
- (e) SP5 sebagai Pegawai Penyiasat warisan hanya bergantung kepada pengecaman barang-barang kes berdasarkan rakaman percakapan bertulis mendiang pegawai penyiasat asal dan tidak mempunyai pengetahuan peribadi mengenai siasatan yang telah dilakukan;
- (f) kegagalan SP5 menyiasat CCTV Tesco Cheng telah gagal mengecualikan sebarang kemungkinan bahawa terdapat pihak lain yang telah memasukkan dadah dalam kereta Myvi; dan
- (g) tandaan X yang sedia ada di dalam gambar P7(F) yang menunjukkan lokasi di mana beg plastik 'Owen Matin' dijumpai sebelum saksi-saksi Pendakwaan memberikan keterangan dalam mahkamah terbuka tergolong sebagai keterangan yang memimpin (*leading*) saksi dalam memberikan keterangan dan harus ditolak.

[23] Pihak pembelaan bagi Tertuduh Kedua telah merujuk kepada kes-kes seperti *PP v. Mohd Hishammudin Mohd Razak & Anor* [2015] 1 LNS 668 ; [2015] CLJU 668, *Romi Amora bin Amir v. PP* [2011] 4 MLJ 571 ; [2011] 1 CLJ 870 dan *Simon Savarimuthu a/l Thevarajah v. PP* [2020] 2 MLJ 495 ; [2020] 5 CLJ 105.

[24] Peguambela-peguambela untuk kedua-dua Tertuduh juga menghujahkan berdasarkan fakta bahawa Tertuduh Pertama hanya telah menumpang kereta Tertuduh Kedua di Tesco Cheng maka tidak wujudnya niat bersama antara mereka dalam melakukan kesalahan di bawah pertuduhan iaitu Seksyen 39B(1)(a) ADB. Fakta bahawa mereka berada dalam kereta tidak mencukupi dalam membuktikan niat bersama apatah lagi dalam keadaan berbagai isu telah dibangkitkan terhadap kes pendakwaan. Isu-isu tersebut tidak menyokong dapatan bahawa terdapat satu pakatan atau perancangan antara kedua-dua Tertuduh. Pihak pembelaan telah merujuk kepada beberapa kes seperti *Namasiyiam Doraisamy v. PP* [1987] 2 MLJ 336; *PP v. Norashikin bt Yusof* [2019] 7 MLJ 277; dan *Ahmad Azhari Ahmad Zaini v. PP & Other Appeals* [2015] 1 CLJ 157.

PENILAIAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[25] Dalam menilai keterangan kes pendakwaan, ianya adalah menjadi tugas Mahkamah untuk menentukan sama ada sesuatu keterangan saksi adalah munasabah apabila dinilai secara keseluruhan dengan semua keterangan pihak Pendakwaan. Perkara ini telah dibayangkan di dalam beberapa kes yang telah diputuskan, antaranya termasuklah *PP v. Ng Sing Ting* [2008] 7 CLJ 247; *Ahmad Najib Aris v PP* [2007] 2 CLJ 229, *PP v. Nazri Muhd Jufri & Anor* [2007] 10 CLJ 590 **dan** *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP* [2006] 1 CLJ 857.

[26] Dalam menilai isu milikan barang dadah mengikut garis panduan yang telah diputuskan di dalam kes-kes seperti *PP v. Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194 ; [2009] 2 CLJ 209; *Chan Pean Leon v. Public Prosecutor* [1956] LNS 17 ; [1956] 1 MLJ 237; *Pendakwa Raya v. Lim Chsung Meng & Anor* [2015] 1 LNS 1226 ; [2015] MLJU 2234 dan *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597 ; [2006] MLJ 209, Mahkamah harus menilai sama ada keterangan bukan sahaja menunjukkan Tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut tetapi juga mempunyai kawalan atau jagaan. Kawalan atau jagaan termasuk kuasa Tertuduh untuk berurusan atau melupuskan dadah tersebut pada bila-bila masa jika diinginkan seolah-olah ia adalah pemilik dadah berkenaan.

[27] Setelah mempertimbang semua keterangan yang dikemukakan dan hujahan pihak-pihak, Mahkamah ini membuat dapatan seperti berikut:

Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB

[28] Fakta yang tidak boleh dipertikaikan ialah hanya Tertuduh Kedua yang mempunyai jagaan dan penggunaan kereta Myvi dalam kes semasa. Pemilik berdaftar kereta tersebut iaitu SP1 telah mengesahkan bahawa Tertuduh Kedua telah menggunakan kereta tersebut semenjak bulan Jun 2021. Pihak pembelaan tidak mencadangkan bahawa kereta tersebut telah digunakan oleh sesiapa selain daripada Tertuduh sebelum hari kejadian yang

memungkinkan dadah di dalam beg plastik diletakkan oleh orang lain tanpa pengetahuan Tertuduh Kedua. Mahkamah juga mendapati tiada cadangan dibuat bagi menyokong pembelaan Tertuduh Kedua bahawa beg plastik yang mengandungi dadah telah dibawa oleh Tertuduh Pertama sendiri dan Tertuduh Kedua tidak mempunyai pengetahuan mengenai kandungan tersebut.

[29] Mahkamah mendapati kegagalan pihak Pendakwaan memanggil pegawai penyiasat asal iaitu mendiang Inspektor Surendran A/L Chandran dan penolakan rakaman percakapan mendiang di bawah Seksyen 112 Kanun Prosedur Jenayah tidak menyebabkan pengecaman SP5 terhadap barang dadah yang dirampas tidak boleh diterima oleh Mahkamah ini. Setelah menilai keseluruhan keterangan SP3 dan SP5 Mahkamah mendapati tiada keraguan mengenai fakta bahawa:

- (a) hanya Tertuduh Kedua telah menggunakan kereta Myvi yang mempunyai nombor pendaftaran JKK 1863 dalam kes semasa pada masa yang *'material'*;
- (b) beg plastik mengandungi dadah (eksibit P21) di jumpai di dalam kereta tersebut;
- (c) terdapat *'close proximity'* antara Tertuduh Kedua dan beg tersebut yang menunjukkan Tertuduh Kedua tidak sahaja mempunyai pengetahuan tetapi juga jagaan atau kawalan; dan
- (d) terdapat pengecaman positif terhadap beg plastik hitam dan barang kes dadah.

[30] Berkaitan dengan kedudukan beg plastik pada bahagian atas lantai tempat duduk penumpang belakang dan tandaan 'X' oleh pegawai penyiasat asal di dalam gambar P7(F), Mahkamah bersetuju bahawa perbuatan sedemikian bakal mengundang bantahan atas isu yang mana terdapat kemungkinan saksi dipimpin (*leading*) dalam memberikan keterangan (lihat keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Marimuthu Krishnan Iwn PP* [2014] CLJU 577 yang telah merujuk kepada kes *Rex v. Lim Kang Chui* [1949] CLJU 80 ; [1949] 1 LNS 80 ; [1949] MLJ 211). Maka, dalam keadaan ini, Mahkamah harus menilai keterangan SP3 dan SP4 dengan berhati-hati. Setelah meneliti keterangan mereka, Mahkamah tidak mendapati keterangan mereka mengenai kedudukan beg plastik hitam dipengaruhi oleh tandaan 'X' pada gambar P7(F). Kalau Mahkamah ini menolak keterangan gambar P7(F), Mahkamah tidak mendapati SP3 dan SP4 tidak berupaya memberi keterangan mengenai kedudukan beg tersebut.

[31] Berkenaan Tertuduh Pertama, keterangan SP3 telah mengesahkan bahawa terdapat rampasan kereta Tertuduh Pertama yang diparkir di Tesco, Cheng, Melaka berikutan daripada maklumat yang diberikan sendiri oleh Tertuduh Pertama. Menurut SP3, mendiang pegawai penyiasat asal juga mengetahui mengenai rampasan kereta Tertuduh Pertama. Berdasarkan versi Tertuduh Pertama, dia telah menumpang kereta Tertuduh Kedua untuk berjumpa kawan di tempat kejadian. Fakta bahawa Tertuduh Pertama hanya merupakan penumpang kereta Myvi yang dipandu oleh Tertuduh Kedua dibuktikan melalui keterangan bahawa pemandu kereta adalah Tertuduh Kedua, kereta tersebut digunakan oleh Tertuduh Kedua dan keterangan SP3 dan SP4 bahawa Tertuduh Pertama pernah memaklumkan bahawa dia telah menumpang kereta Tertuduh Kedua.

[32] Oleh kerana Tertuduh Pertama telah menumpang kereta Tertuduh Kedua, maka adalah menjadi beban pihak Pendakwaan untuk membuktikan bahawa Tertuduh Pertama bukan sahaja mempunyai pengetahuan mengenai beg plastik hitam yang mengandungi dadah tersebut tetapi juga mempunyai kawalan atau jagaan bersama dengan Tertuduh Kedua.

[33] Berdasarkan keputusan dalam kes *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 113; *Ahmad Azhari Ahmad Zaini v. PP & Other Appeals* [2015] 1 CLJ 157; *Loo See Lee Iwn PP* [2018] 5 CLJ 385; dan *PP v. Mohd Haniiff Mosbah* [2016] 3 CLJ 882, Mahkamah telah memutuskan bahawa harus ada keterangan yang menunjukkan bukan sahaja akses tetapi juga faktor-faktor lain yang menunjukkan Tertuduh mempunyai kawalan ke atas kenderaan yang mana barang kes dijumpai dalam kes semasa, tiada keterangan DNA atau cap jari yang dapat mengaitkan Tertuduh Pertama dengan beg plastik hitam dan bungkusan dadah serta tidak ada barang peribadi Tertuduh Pertama di dalam kereta-Myvi tersebut selain daripada beg silang eksibit P25 yang mana didakwa berada pada badan Tertuduh Pertama. Dalam kes *Roslan Hanapi v. PP* [2015] 6 CLJ 464, Mahkamah Rayuan memutuskan:

"[15] In the absence of evidence direct or indirect that it was the appellant who put the bag under the table or that it was put there on his instruction, evidence of his close proximity to the drug is neither here nor there, given the fact that the store was accessible to family members of the second accused and even to the public."

[34] Mahkamah ini juga merujuk kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Formi Afta Bin Ahmad & Anor v. PP* [2013] 9 CLJ 183 di mana Mahkamah Rayuan membuat penilaian fakta bahawa tertuduh hanyalah merupakan penumpang dan bukan pemilik kenderaan serta tiada keterangan tertuduh mempunyai kawalan terhadap kereta yang juga terpakai kepada kes semasa.

[35] Berdasarkan pertimbangan fakta-fakta di atas, Mahkamah mendapati ianya adalah sukar untuk memutuskan terdapatnya niat bersama di bawah Seksyen 34 Kanun Keseksaan antara kedua-dua Tertuduh dalam melakukan kesalahan bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB. Pihak Pendakwaan mempunyai beban untuk membuktikan terdapat perancangan awal yang dilakukan oleh kedua-dua Tertuduh untuk mengedar dadah tersebut dan pihak Pendakwaan tidak boleh membuat satu anggapan niat bersama. Mahkamah merujuk sekali lagi kepada keputusan dalam kes **Roslan Hanapi** [supra]:

"[25] For the same reasoning that we have given on the issue of custody and control, we consider this to be a serious misdirection rendering the judgment defective and liable to be set aside. Mere access to the drug without more cannot constitute proof of common intention. There must further be established evidence of a pre-arranged plan to traffic in the drug. There is no presumption of common intention."

Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 6/39A(2) ADB

[36] Tertuduh Pertama menafikan bahawa beg silang "North Face" berada pada tubuhnya. Pihak Pembelaan cuba membangkitkan berbagai isu dalam mencabar versi kes Pendakwaan sehingga mencadangkan kedudukan beg tersebut telah direka oleh pihak Pendakwaan semata-mata untuk mengaitkan Tertuduh Pertama dengan dadah yang dijumpai di dalam kereta.

[37] Setelah mempertimbang semua keterangan, Mahkamah tidak menerima hujahan pihak Pembelaan bahawa Tertuduh Pertama telah dianiaya sebegitu rupa sehingga kedudukan beg silang tersebut direka hanya untuk memerangkap Tertuduh Pertama. Sekiranya Tertuduh Pertama merasakan dia telah di aniaya sedemikian, sudah tentu Tertuduh Pertama telah membangkitkan perkara ini dalam rakaman percakapannya kepada pegawai penyiasat asal tetapi perkara ini tidak pernah dicadangkan bahawa ianya telah dibawa kepada pengetahuan Pegawai Penyiasat asal dan rakaman percakapan Tertuduh Pertama juga tidak dikemukakan sebagai keterangan dalam pembelaan untuk menyokong dakwaan tersebut. Tertuduh Pertama juga boleh membuat laporan polis terhadap setiap anggota serbuan mengenai isu tentang kedudukan beg silang tersebut tetapi Tertuduh Pertama tidak berbuat demikian.

[38] Mahkamah tidak bersetuju dengan pihak Pembelaan yang menghujahkan hanya kerana SP3 telah bertindak atas satu maklumat maka semestinya serbuan dan tangkapan yang dibuat melibatkan elemen penganiayaan. Tuduhan penganiayaan adalah satu tuduhan yang sangat serius dan apabila seseorang menghadapi sesuatu pertuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, ianya adalah lebih munasabah untuk individu tersebut yang yakin bahawa dia telah dianiaya untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi membuktikan bahawa dirinya telah diperangkap. Mahkamah merujuk kepada kes *Khee Thuan G/ap v. Public Prosecutor* [2019] CLJU 568 ; [2019] 1 LNS 568 ; [2019] 4 MLJ 651 **dan** *Dickson Levy a/l Maria George v. Public Prosecutor* [2018] CLJU 135 ; [2018] 1 LNS 135 ; [2018] MLJU 98 di mana Mahkamah Rayuan dalam kedua-dua kes tersebut memutuskan bahawa ianya adalah menjadi beban Tertuduh yang mana bukan sahaja mendakwa terdapat penganiayaan dilakukan terhadap dirinya tetapi Tertuduh mempunyai beban untuk mengemukakan keterangan yang dapat membuktikan motif penganiayaan lebih-lebih lagi apabila tiada keterangan menunjukkan apa-apa perhubungan diantara tertuduh dan saksi polis sebelum kejadian. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan isu tersebut tidak bermerit.

[39] Berikutan itu, Mahkamah tidak mendapati isu-isu lain seperti percanggahan keterangan mengenai jenis alat yang digunakan untuk memecahkan cermin kereta Myvi, serbuan di lokasi lain, rampasan barang peribadi Tertuduh Pertama seperti dompet dan nilai pemberatan keterangan SP5 sebagai pegawai penyiasat warisan dapat mencabar keterangan SP3 dan SP4 bahawa beg silang mengandungi dadah dijumpai tersilang pada badan Tertuduh Pertama.

[40] Mahkamah ini merujuk kepada beberapa keputusan kes yang mana Mahkamah telah memberi garis panduan tentang bagaimana Mahkamah menilai kredibiliti keterangan seseorang saksi. Antara kes-kes yang dirujuk termasuklah *Azaman bin Aziz v. PP* [2017] 5 MLJ 510 ; [2017] 1 LNS 390, *Pathmanabhan Nalliannen v. PP & Other Appeals* [2017] 4 CLJ 137 ; [2017] 3 MLJ 141, *Md Zainudin Raujan v. PP* [2013] 4 CLJ 21 ; [2013] 3 MLJ 773, *PP v. Dato' Seri Anwar Ibrahim (no 3)* [1999] 2 CLJ 215 ; [1999] 2 MLJ 1 dan *PP v. Datuk Haji Harun bin Haji Idris (no 2)* [1977] 1 MLJ 15 ; [1976] 1 LNS 164. Berpandukan keputusan bagi kes-kes di atas, ianya adalah jelas bahawa:

- (a) percanggahan keterangan seseorang saksi adalah satu lumrah dan boleh berlaku;
- (b) penilaian seseorang saksi dibuat berdasarkan sama ada keterangan saksi semasa disoal balas dan bagaimana keterangan menepati fakta atau keadaan semasa kes adalah konsisten;

- (c) percanggahan atau keterangan tidak konsisten bukan mengenai sesuatu perkara yang 'material' dan asas kepada pertuduhan;
- (d) walaupun saksi didapati berbohong mengenai satu atau dua perkara, ia tidak bermakna keseluruhan keterangan saksi harus ditolak atas dasar ia tidak boleh dipercayai;
- (e) walaupun keterangan seseorang saksi tidak diterima sebahagiannya tetapi ia tidak menghalang Mahkamah untuk menerima bahagian keterangan yang lain; dan
- (f) pertimbangan utama yang harus diberikan adalah mengenai kebarangkalian berlaku sesuatu fakta yang dipertikaikan.

[41] Mahkamah juga tidak menerima hujahan bahawa sekiranya Tertuduh Pertama mengetahui terdapat dadah di dalam beg silang yang bersilang pada badannya, dia semestinya telah berusaha untuk melepaskan beg. Hal ini kerana Tertuduh Pertama telah berada di dalam kereta dan bukan dalam keadaan cuba melarikan diri di suatu kawasan lapang yang membolehkan dia cuba membuang dadah yang berada dalam beg bersilang pada badannya. Tertuduh Pertama boleh melihat ke arah luar kereta maka Tertuduh Pertama semestinya menyedari tidak ada apa-apa yang dia boleh lakukan melainkan untuk berdiam diri. Walaupun terdapat kebarangkalian seseorang boleh dikatakan terkejut apabila diserbu oleh sekumpulan orang berpakaian preman, namun fakta dalam kes ini yang lebih menunjukkan perbuatan Tertuduh Pertama berdiam diri dan membiarkan polis memecahkan cermin adalah kerana pengetahuan dan kawalan Tertuduh ke atas dadah di dalam beg tersebut.

[42] Keterangan kes tidak menunjukkan Tertuduh Pertama telah memprotes dan cuba memisahkan dirinya daripada beg silang tersebut atau menuding jari kepada Tertuduh Kedua sebagai pemilik kereta atau kepada mana-mana anggota polis yang dikatakan telah meletakkan beg tersebut dalam kereta. Adalah mustahil jika beg tersebut tidak berada di dalam kereta atau pada badan Tertuduh Pertama yang mana beg berkenaan dapat dizahirkan tanpa Tertuduh Pertama dapat melihat siapa yang membawanya kerana kejadian berlaku dalam sebuah kereta dan serbuan berlaku pada jam 7.15 petang yang secara lazimnya cuaca masih belum gelap. Hal ini menimbulkan inferens bahawa Tertuduh Pertama sememangnya mempunyai kaitan dengan beg tersebut dan kandungan dadah di dalamnya dari segi pengetahuan dan jagaan atau kawalan.

[43] Selanjutnya, Mahkamah mendapati tiada isu mengenai kegagalan pegawai penyiasat asal menyiasat CCTV di Tesco, Cheng atas beberapa sebab. Pertamanya, Mahkamah menolak kemungkinan adanya penganiayaan ke atas Tertuduh Pertama. Kedua, Mahkamah mendapati pihak Pembelaan tidak mengemukakan rakaman percakapan Tertuduh Pertama kepada pegawai penyiasat asal yang menunjukkan Tertuduh Pertama ada menyatakan bahawa beg silang tersebut tidak pernah berada dengan dia semasa di Tesco Cheng dan semasa menaiki kereta Tertuduh Kedua. Ketiga, keterangan SP5 menyatakan berdasarkan kertas siasatan, tidak ada perkara tentang rakaman CCTV pernah ditimbulkan oleh Tertuduh Pertama. Maka, Mahkamah ini menyimpulkan versi kes pembelaan bahawa beg tersebut tidak bersilang pada tubuh Tertuduh Pertama dan rakaman CCTV akan membuktikan sedemikian adalah satu perkara yang dibangkitkan buat pertama kali semasa perbicaraan ini.

[44] Adalah menjadi satu prinsip keterangan yang jelas bahawa keterangan CCTV hanyalah merupakan suatu keterangan sokongan atau koroboratif dalam keadaan di mana terdapat keterangan langsung daripada anggota serbuan. Kepentingan rakaman CCTV harus bergantung kepada fakta kes. Oleh yang demikian, kes **See Kek Chuan v. PP** [2013] 6 MLJ 885 yang dirujuk oleh pihak peguambela perlu dibezakan berdasarkan fakta kes. Dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan mendapati pihak polis telah menyorok atau 'withheld' keterangan CCTV yang telah diperolehi daripada saksi pendakwaan iaitu pegawai keselamatan hotel justeru tertuduh telah diprejudis apabila tidak berpeluang untuk meneliti kandungan rakaman CCTV dan tiada peluang untuk menyoal balas saksi pendakwaan.

Mengenai elemen milikan

[45] Sebagai kesimpulan mengenai isu milikan, Mahkamah mendapati seperti berikut:-

Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB

Pihak Pendakwaan berjaya membuktikan elemen milikan terhadap Tertuduh Kedua tetapi gagal membuktikan elemen milikan terhadap Tertuduh Pertama. Berdasarkan dapatan ini juga, Mahkamah mendapati pihak Pendakwaan gagal membuktikan niat bersama antara Tertuduh Pertama dan Tertuduh Kedua dalam melakukan kesalahan berpandukan keputusan dalam kes *Krishna Rao Gurumurthi v. PP & Anor* [2009] 2 CLJ 603 dan **Roslan Hanapi** [supra].

Bagi pertuduhan di bawah Seksyen 6/39A(2) ADB

Pihak Pendakwaan berjaya membuktikan elemen milikan terhadap Tertuduh Kedua.

Mengenai perbuatan pengedaran dadah

[46] Oleh kerana pihak Pendakwaan telah membuktikan milikan terhadap Tertuduh Kedua bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB, maka pihak Pendakwaan berjaya membangkitkan anggapan perbuatan mengedar dadah di bawah Seksyen 37 (da) ADB terhadap Tertuduh Kedua dan ianya menjadi beban pembuktian Tertuduh Kedua untuk mematahkan anggapan tersebut di atas imbangan kebarangkalian.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[47] Berdasarkan dapatan di atas dan berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, Mahkamah ini memutuskan seperti berikut:

- (a) pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Tertuduh Kedua bagi pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB;
- (b) pihak Pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap Tertuduh Pertama di bawah pertuduhan pertama justeru Tertuduh Pertama dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan di bawah Seksyen 39B(1)(a) ADB;
- (c) pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap Tertuduh Pertama bagi pertuduhan di bawah Seksyen 6/39A(2) ADB; dan

[48] Mahkamah telah menjelaskan kepada kedua-dua Tertuduh mengenai hak memilih antara tiga (3) pilihan dalam memberi keterangan dan setiap Tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dari kandang saksi.